

# Banyak sungai tercemar bertukar jadi lumpur

ALOR SETAR 18 Dis. - Sejak 2010, fenomena air lumpur bukan perkara pelik di Kedah kerana hampir seluruh sungai di negeri itu dipenuhi air lumpur dalam kelikatan yang sangat tinggi sehingga lebih keruh daripada teh tarik.

Pencemaran tersebut merupakan kesan langsung daripada aktiviti pembalakan yang 'menggila' sejak dua tahun lalu di kawasan tadahan air dan keadaan berkenaan diburukkan lagi dengan kegiatan perlombongan tungsten serta korek pasir.

Siasatan *Utusan Malaysia* mendapati sejak 2010 tiada lagi air sungai yang jernih walaupun di kawasan hilir dan kadar kekeruhan lebih teruk setiap kali selepas hujan kerana tiada lagi hutan selaku penambat semula jadi.

Malah, ketika tinjauan di Sungai Badak, Sungai Pelandok, Sungai Sintok, Sungai Lata Chelak, Sungai Muda dan Sungai Pedu, kesan selut melekat seperti stokin di kaki wartawan membuktikan kelikatan selut yang sangat tinggi.

Keadaan itu konsisten dengan laporan Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd (SADA) yang merekod kadar kekeruhan di Sungai Pasir Puteh mencecah sehingga 28,333 Nephelometric Turbidity Unit (NTU) pada 12 Februari lalu.

Sedangkan kadar kekeruhan selamat yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ialah di bawah 1,000 NTU dan ukuran bagi air bersih pula jumlah kekeruhan serta pepejal terampai mesti di bawah 50 NTU.

Bagi Sungai Badak pula, SADA dalam laporan sama yang turut dipanjangkan kepada Suruhanjaya Perkhid-



**KEADAAN** air berlumpur di lokasi pertemuan antara Sungai Badak dan Sungai Pelandok akibat kegiatan pembalakan, perlombongan dan korek pasir di Kedah.

matan Air Negara (SPAN) merekodkan kadar kekeruhan setinggi 18,600 NTU juga pada 12 Februari 2012.

Akibat kekeruhan melampau itu, operasi SADA terpaksa dihentikan antara dua hingga enam jam setiap hari bagi tujuan membersihkan loji daripada lumpur sekali gus meningkatkan kos operasi yang terpaksa ditanggung.

Sebagai contoh, loji rawatan SADA di Air Jeragan terpaksa dihentikan operasi selama beberapa jam setiap hari mulai 13 hingga 24 Februari, 6 hingga 8 Mac dan 17 hingga

26 Ogos kerana kadar kekeruhan melebihi piawaian WHO.

Sementara itu, loji rawatan di Air Pelubang juga mengalami nasib yang sama apabila dihentikan operasi selama beberapa jam pada 14 Ogos 2011, 8 dan 9 September 2011 serta 5 dan 22 Jun 2012 akibat aktiviti tebus guna tanah.

Dalam pada itu, jurucakap SADA berkata, kadar kekeruhan sungai yang disebabkan aktiviti pembalakan berleluasa, perlombongan dan korek pasir bukan hanya meningkatkan operasi syarikat tetapi me-

ngancam kesihatan rakyat.

"Bekalan air daripada sungai inilah yang dirawat untuk sumber minuman selain digunakan untuk tujuan pertanian tetapi jika hampir sepanjang hari kadar kekeruhan melebihi 1,000 NTU, kemampuan loji untuk merawat merosot.

"Apabila keadaan itu berlaku rakyat akan menerima kesan terutama dari segi kesihatan sebab itu kita meminta pihak berkuasa mengambil segala langkah perlu dengan segera bagi menghentikan pencemaran ini," katanya.